

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
KAWASAN : PENKALAN CHEPA
TARIKH : 3 NOVEMBER 2016, KHAMIS

SOALAN:

YB. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status fasa kedua pembinaan jalan dari Kubang Kerian ke Sabak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek menaik taraf jalan dari Pasir Hor ke Sabak (Fasa 2) ialah merupakan kesinambungan daripada fasa 1 yang telah disiapkan pada bulan Januari 2013 lalu.

Skop projek fasa 2 ini ialah antara lain melibatkan naik taraf jalan Kubang Kerian – Sabak yang sedia ada sepanjang 11 km, membina jalan baru (2.6km) dan juga membina satu persimpangan bertingkat yang baharu. Anggaran kos projek keseluruhan ialah sebanyak RM180 juta. Projek ini telah dipohon untuk pertimbangan Agensi Pusat dalam Rolling Plan 1 (2016 -2017) tetapi tidak termasuk dalam senarai kelulusan. Sehubungan itu kementerian ini akan memohon semula kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan peruntukan dalam Rolling Plan yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.